

Jentera PRU Umno Perlu Dekati Pengundi Atas Pagar - Zahid Hamidi
Bernama
22 November, 2012

KUALA LUMPUR, 22 Nov (Bernama) -- Persiapan menghadapi pilihan raya umum (PRU13) bukanlah tertumpu kepada kesiapsiagaan jentera parti sahaja tetapi juga mendekati pengundi atas pagar, kata Naib Presiden Umno Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau berkata kira-kira 40 peratus pengundi adalah golongan atas pagar dan mereka ini harus didekati.

"Jentera Umno khasnya menjelang Perhimpunan Agung Umno 2012 ini perlu menyelesaikan masalah mereka. Ini kerana penentuan menang kalahnya parti dan bagaimana kita harus rampas kerusi yang kalah berkemungkinan besar bergantung kepada mereka," katanya.

Ahmad Zahid, yang juga Menteri Pertahanan, berkata demikian kepada pemberita selepas menerima kunjungan Penasihat Keselamatan Kebangsaan kepada Perdana Menteri Britain, Sir Nigel Kim Darroch di pejabatnya di Parlimen Khamis.

Beliau berkata PRU13 adalah pilihan raya yang luar biasa dan harus ditangani dengan cara luar biasa juga termasuk menyelesaikan masalah dalaman jika dibangkitkan perwakilan ketika Perhimpunan Agung Umno 2012 nanti.

"Jika ada permasalahan parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) juga perlu ditiadakan. Ini kerana jentera pilihan raya BN bergantung kepada Umno. Maka Umno harus memberi bantuan sebagai tulang BN," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=710867>